

29/07/1997

Asean tonggak kedamaian serantau

Faizal Fadzil; Jamhariah Jaafar; Azman Abdul Hamid
BEBERAPA minggu sebelum Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30, isu pergolakan di Kemboja yang meletus selepas Perdana Menteri Keduanya, Hun Sen, mengambil alih pentadbiran dengan menggunakan kekerasan bersenjata pada 5 dan 6 Julai lalu, semakin hangat sehingga ia dilihat bakal menggugat kelicinan dan kejayaan mesyuarat itu khususnya oleh media asing.

Laporan media Barat yang bercanggah mengenai Hun Sen berhubung pendiriannya terhadap peranan Asean di Kemboja memburukkan lagi imej Asean di mata dunia.

Apabila misi damai Asean yang ditubuhkan pada 10 Julai lalu pimpinan Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, bersama Menteri Luar Thailand, Prachuab Chaiyasarn dan Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon selesai bertemu Hun Sen, dua minggu lalu, misi diplomatik Asean itu kelihatan seperti pejuang yang tewas dalam misinya.

Media melaporkan Hun Sen memberi amaran kepada Asean supaya jangan campur tangan dalam urusan dalaman negara itu dan memberi kata dua supaya Asean menerima Kemboja menyertai Asean pada 23 Julai lalu bersama Myanmar dan Laos, atau 'melupakan saja' hasratnya membawa negara itu.

Ali pula dilaporkan berkata dengan kenyataan Hun Sen itu, misi damai Asean ke Kemboja sudah tamat peranannya.

Media asing yang mula berkerumun di Kuala Lumpur bagi membuat liputan AMM pada 24 dan 25 Julai, Forum Serantau Asean (ARF) pada 27 Julai dan Mesyuarat Selepas AMM (PMC) pada 28 Julai mengambil kesempatan di beberapa majlis taklimat di Wisma Putra untuk mendapatkan pandangan Malaysia selaku tuan rumah persidangan kali ini.

"Adalah tidak adil jika saya mengulas perkara itu sebelum mendapat penjelasan daripada misi damai itu. Kita tunggulah pada 23 Julai apabila misi Asean membentangkan laporannya kepada semua menteri luar Asean," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam hampir semua sidang akhbar selepas misi damai itu menamatkan tanggungjawabnya, beberapa hari sebelum AMM.

Ketika ini, kewibawaan diplomasi Asean jelas teruji. Laporan yang menyebut Hun Sen menjelaskan negaranya yang selama ini hidup tanpa Asean, boleh meneruskan perjuangan bersendirian di rantau ini jika Asean tetap berdegil untuk campur tangan, meletakkan menteri luar Asean dalam kedudukan tersepit.

Dua pilihan sama ada untuk mengekalkan keputusan menanggungkan Asean yang dibuat 10 Julai lalu berikutan konflik di negara itu, justeru menerima risiko kehilangan Kemboja atau mahu menerima Kemboja pada 23 Julai bersama Laos dan Myanmar, keputusan yang dibuat pada 31 Mei lalu menghantui Menteri Luar Asean lalu menanggung akibatnya jika pergolakan meletus lagi.

Bagaimanapun, Menteri Luar Kemboja, Ung Huot, yang tiba di Kuala Lumpur pada pagi 23 Julai lalu tiba-tiba saja menjelaskan Hun Sen mengubah pendiriannya sebelum ini dan menegaskan Asean mempunyai peranan untuk mengembalikan kestabilan di negara itu.

Keputusan yang dilihat sebagai usaha 'memujuk hati' Asean selepas dilemparkan dengan amaran keras sebelum itu, jelas memperlihatkan betapa Kemboja masih menyayangi gagasan serantau itu yang selama ini sering mengajak Kemboja mendampingi.

Namun, Asean berpegang teguh kepada pendiriannya untuk menanggungkan kemasukan Kemboja kepada satu tarikh yang ditetapkan sambil menetapkan syarat yang serupa - kerajaan campuran Funcinpec dan Parti Rakyat Kemboja (CPP) tetap bersatu, tidak membubarkan Dewan Kebangsaan, perlembagaan

dipatuhi berasaskan Perjanjian Damai Paris 1991.

Walaupun Hun Sen mengakui memenuhi syarat itu, Asean tetap mahu terus memerhati perkembangan di negara berkenaan.

Kemboja akur dan Hun Sen dilaporkan menerima keputusan Asean dan memahami mengapa keputusan itu dibuat.

Selang sehari, timbul lagi laporan bahawa Hun Sen menolak tanggapan umum bahawa Asean akan menjadi pengantara dalam membantu menyelesaikan konflik di negaranya dan menuduh media salah faham berhubung perkara itu.

Sekali lagi Asean menolak membuat kenyataan berasaskan laporan media kerana menganggap kekeliruan timbul mengenai peranan Asean di Kemboja berpunca daripada percanggahan media.

"Jadi, kami membuat keputusan untuk menunggu maklum balas daripada Menteri Luar Kemboja yang akan menemui Hun Sen untuk menyampaikan hasil pertemuan kami di sini sebelum meneruskan semula misi damai," katanya pada sidang akhbar selepas AMM tamat Jumaat lalu.

Ternyata, sesetengah pemimpin Asean menyedari ancaman yang wujud terhadap kestabilan rantau ini jika mereka membuka mulut mengulas perkembangan di Phnom Penh berdasarkan laporan yang belum tentu sahihnya.

Media asing tidak semuanya berniat baik terhadap Asean. Selepas gagal menghalang Myanmar menyertai Asean, Kemboja seolah-olah menjadi kambing hitam yang digambarkan sebagai faktor pemecah belah gagasan itu. Bagaimanapun, kini Asean lebih berhati-hati dengan kenyataan media khususnya yang bersikap seperti batu api, mencucuk Kemboja dan negara Asean lain.

Walaupun sesetengah pemimpin rantau ini ada yang cepat melenting apabila dihujani pertanyaan mengenai Phnom Penh, kesepakatan Asean dalam mesyuarat sentiasa mampu mengatasi sebarang percanggahan pendapat gagasan berkenaan.

Keunggulan ini menyebabkan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright, yang turut menghadiri ARF, memuji pendekatan Asean yang berasaskan 'kesepakatan' itu sebagai model terbaik dalam menangani pelbagai masalah negara anggota yang mempunyai kerajaan yang berbeza.

Oleh itu, usaha damai Asean menerima sokongan padu daripada semua masyarakat antarabangsa termasuk Amerika Syarikat, Australia dan China, selain menyuarakan kesediaan mereka membantu Asean menangani isu Kemboja.

Selain Kemboja, mereka kini mula mengiktiraf Asean sebagai badan yang mampu menangani pelbagai masalah di Myanmar.

Walau apapun cubaan untuk merosakkan perpaduan Asean, atau menghancurkan asas ekonominya menerusi serangan mata wang negara anggotanya seperti yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Asean akhirnya tetap muncul sebagai tonggak keamanan dan kestabilan serantau. Jika ini dikekalkan, wawasan Dr Mahathir supaya Asean mempertahankan kedaulatannya daripada sebarang campur tangan asing dalam hal ehwal dalamannya akan terpelihara.

(END)